

Headline	Kekurangan bukan penghalang untuk berjaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	3
ArticleSize	693 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,466		



Kekurangan bukan penghalang untuk berjaya

Oleh **RADHUAN HUSSAIN**

Gambar SHAIFUDIN MOHD. NOR

DUA belas tahun lalu, Ahmad Sharif Iskandar Ismail dilahirkan cacat kedua-dua belah tangan. Pada tangan kirinya, jari hantu, jari telunjuk dan ibu jarinya kudung manakala tangan kanannya cuma tinggal ibu jari dan jari telunjuk yang kelihatan sempurna.

Meskipun dalam kepayahan, anak bongsu daripada sembilan beradik itu tetap cekal mengharungi kehidupan seharian biarpun tidak 'selengkap' kanak-kanak sebaya dengannya.

Menyedari kadangkala pernah diselubungi rasa malu kepada masyarakat sekeliling terutama rakan-rakan sekolahnya di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Pulut, Dungun, dia masih bersemangat untuk bersaing.

Dia berjaya membuktikan kecacatan yang dialami sejak lahir itu tidak sekali-kali menjadi penghalang untuknya berjaya dan cemerlang dalam pelajaran. Malah kini, dia mampu mendabik dada untuk berdiri sama tinggi dengan murid cemerlang lain.

Berkat usaha gigih mentalah pelajaran, Ahmad Sharif Iskandar kini muncul antara murid terbaik dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013 Terengganu dengan berjaya memperoleh A dalam semua mata pelajaran.

Pencapaian itu bukan saja meletakkan dirinya antara tiga murid terbaik yang mendapat 5 A di sekolahnya, malah paling manis apabila dinobatkan murid terbaik bagi kategori murid Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam UPSR 2013 di negeri ini.

Kejayaan itu sebenarnya tidak hanya didorong bimbingan para guru serta keluarga tersayang, inisiatif Tenaga Nasional Berhad (TNB) menajayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) menjadikan SK Padang Pulut sebagai projek 'sekolah angkat' ternyata

membuahkan hasil.

Dalam pada itu, Ahmad Sharif Iskandar ketika ditemui berkata, dia amat berterima kasih kepada pihak TNB yang memainkan peranan besar dalam memastikan peningkatan prestasi dan kejayaan sekolahnya dalam UPSR kali ini.

"Memang saya belajar bersungguh-sungguh untuk berjaya demi menjejar cita-cita menjadi seorang saintis kelak. Saya tak pernah rasa segan dan malu atau rendah diri di sebabkan kecacatan tangan saya ini.

"Sebaliknya ia menyuntik semangat saya untuk buktikan kepada semua yang saya juga boleh berjaya seperti orang lain dan akhirnya berjaya juga dapat 5A.

"Saya tak lupa juga usaha TNB dan saya akui, sumbangan besar (TNB) banyak membantu saya sehingga berjaya," katanya ketika ditemui pada majlis TNB meraikan pelajar cemerlang UPSR 2013 di SK Padang Pulut, Dungun, baru-baru ini (Khamis).

Majlis itu turut dihadiri wakil TNB di Stesen Jana Elektrik Sultan Ismail, Paka, Abdul Hamid Abdul dan Penolong Kanan I (Pentadbiran) SK Padang Pulut, Baharom Ismail.

Pada majlis itu juga, dua lagi murid cemerlang yang mendapat 5A turut diraikan iaitu Wan Ahmad Amirul Haziq Wan Abd. Manan dan Norminsya Mat Hadi.

Mengulas lanjut mengenai kunci kejayaannya, Ahmad Sharif Iskandar berkata, sejak di tahun satu lagi, dia sentiasa bijak membahagikan masa antara bersukan dan pelajaran.

Dia tidak pernah melepaskan peluang untuk bermain bola sepak, sukan yang paling digemarinya dan pada masa sama, tidak pula mengabaikan pelajaran apabila tiba waktu sesuai untuk mengulangkaji selain sentiasa memberi tumpuan ketika di dalam kelas.

Sementara itu, bapanya, Ismail Omar, 58, pula berkata, beliau menyedari

'kekurangan' yang dialami anak

bongsunya itu tetapi tetap reda dengan ketentuan Tuhan tanpa mengabaikan pelajarannya.

"Saya sentiasa pantau anak saya ini (Ahmad Sharif Iskandar) agar tidak sekali-kali mengabaikan pelajaran, dan hari ini kami sekeluarga bersyukur kepada Allah dengan kejayaannya mendapat 5A dalam UPSR dan terbaik bagi kategori OKU di Terengganu tahun ini," katanya.

Ismail yang merupakan seorang peniaga selain memikul tanggungjawab sebagai Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Padang Pulut dan Naib Yang Dipertua PIBG SK Padang Pulut berkata, kecemerlangan anaknya itu turut didorong sumbangan besar TNB.

Sepertimana kata Baharom, antara kejayaan murid sekolah berkenaan mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR adalah hasil sumbangan dan keperihatinan TNB menajayakan pelbagai

program pendidikan di sekolah itu.

Menurutnya, TNB telah menyumbang sebanyak RM30,000 termasuk menggerakkan program pembelajaran seperti kem motivasi, kurikulum dan sebagainya sehingga menghasilkan kejayaan sekali gus mengharumkan nama sekolah.

"Sumbangan TNB ini merupakan tahun kedua menerusi program CSR TNB yang menjadikan SK Padang Pulut sebagai sekolah angkat dan tahun ini mula menampakkan hasil memberangsangkan.

"Kami ucapkan setinggi terima kasih kepada TNB yang banyak memberi dorongan bagi memastikan SK Padang Pulut mampu melahirkan murid cemerlang," katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada guru-guru sekolah itu yang sama-sama berperanan dalam menentukan kejayaan murid.

TAHNIH KEPADA PELAJAR-PELAJAR PROGRAM PINTAR TNB YANG MEMPEROLEH 5A DALAM UPSR 2013

PERLIS

- S.K. KAMPONG SALANG, KANGAR, PERLIS
 1. FARAHANUM MASTURA FUZZAN
 2. MUHAMMAD AFDHAL HAMBALI
 3. MUHAMMAD AFIQ IZUDDIN ALIZAN
 4. MUHAMMAD HARIZ IKHWAN IZHAM
 5. MUHAMMAD HAZIQ SYAZWAN ZULKIFLEE
 6. MUHAMMAD SHAHIR SAZALI
 7. WAN NUR SHAFIQAH WAN ABDULLAH ZUBIR

KEDAH

- S.K. TUNKU LAKSAMANA, ALOR STAR, KEDAH
 1. MOHAMAD FAHMI ASHRAFI HAYAZI

P. PINANG

- S.K. LAHAR YOOI, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG
 1. AHMAD MIRZA IRHAM ABD AZIZ
 2. MOHAMAD AINAN AZRAAI HAJA MYDIN
 3. MOHAMAD DARWISY ABDULLAH AMYAN
 4. MOHAMAD HARITH REDZUAN
 5. MUHAMMAD AKMAL SHAHRI
 7. MUHAMMAD NUR IMAN NOOR RASHIDI
 8. ATIQA ALIAS

9. IZZATUL BATRISYA MOHAMAD ROSLAN

10. NUR ADLINA HANNAH MOHAMMAD FATHI
 11. NUR AQILAH MOHD ZAIDI
 12. NUR AQILAH MOHD ZAMROS
 13. NUR ELIA ELIANA ZAMRI
 14. NUR HANIS MAHIRAH NORDIN
 15. NUR HIDAYAH ROSLI
 16. NUR QHALEEDA SHAHRUL NIZAM
 17. NURAIN MOHD BAKHTI
 18. NURUL FATIHAH SAMSUDDIN
 19. SITI AMINAH MOHD ROSMAN

PERAK

- S.K. BASIA LAMA, GERIK, PERAK
 1. MUHAMMAD AZMIN NAJMI NORSHAMSUDDIN
 2. IQBAL NUR ZANZURI
 3. NUR AFIFAH HANNANI HAMZAH
 4. NUR AISYAH MAT NUYAH
 5. NUR FATINAH AHMAD KHAIZUAN
 6. NURALIYAA IZZATI ZAINAL BASRI
 7. SITI NUR FASIAH MUHAMAD AZUDIN

PERAK

- S.K. KAMPONG KOTA, BERUAS, PERAK
 1. WAN NUR ATIKAH WAN ISMAIL
 2. MUHAMMAD SAIFUDDIN IDRIS SHAZALI

PAHANG

- S.K. KOTA PERDANA, MUADZAM SHAH, PAHANG
 1. MOHAMAD ALIF AKMAL ZULKHAIRI
 2. MOHAMAD HAIQAL HAFIQ HAZRAD
 3. MUHAMMAD AQIF SOFIAN
 4. MUHAMMAD IDHAM MOHD POZI

KELANTAN

- S.K. TUALANG TINGGI, PASIR PUTEH, KELANTAN
 1. NUR HAZLEEN DIYANA MUSTAPHA
 2. NUR IZZAH FARHANAH BAHARIN
 3. AHMAD ISRAH BAHARIM
 4. MOHAMAD IZZAZ ABDULLAH
 5. MUHAMMAD FIRDAUS ROSLY
 6. MUHAMMAD HAKIM HASERI
 7. NOOR ISHAMIMI QISTINA TASRI
 8. NUR IZZAH AZIEMAH MOHD SHUHAIMI
 9. NUR JULIANA SAFIEKA MOHD JOSOH
 10. NURSAYAHIRA JAWAWI
 11. SITI NORDIANA SUHAIMI
 12. SYAHIDATUL AZWA SHARIFUDIN
 13. WAN MUHAMMAD MUAZ WAN FAUZI
 14. WAN NOOR AZLIN WAN AZMI

TERENGGANU

- S.K. PADANG PULUT, DUNGUN, TERENGGANU

1. NOR MINSYA MAT HADI
 2. WAN MUHAMMAD ZULHAKIMIE WAN ZAMRI
 3. AHMAD SHARIF ISKANDAR ISMAIL

TERENGGANU

- S.K. KUALA JENDERIS, KUALA BERANG, TERENGGANU
 1. NUR ALIYA NAJHJAH RAZALI

JOHOR

- S.K. JORAK, BUKIT PASIR, MUAR, JOHOR
 1. NUR ASYURA NARISHA MOHD ISA
 2. SITI NURHIDAYAH HAMIDAN

NEGERI SEMBILAN

- S.K. CHUAH, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
 1. FADZRUL IZHAN ROHAIDIN
 2. NUR ATHIRAH SYAHIRAH AZMAN
 3. PUTERI AIRIN H JASMIN FAIZAL
 4. SHAHRIMAN MUHAMAD

MELAKA

- S.K. BENDAHARA SERI MAHARAJA, KANDANG, MELAKA
 1. MUHAMMAD HIFZAN HAMZAH
 2. FATIN NURAFIQAH MOHD FAIZAL
 3. NURUL ADILA HASSAN

Headline	Kekurangan bukan penghalang untuk berjaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	3
ArticleSize	693 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,466		



AHMAD Sharif Iskandar (tengah) bersama rakannya Wan Mohd Amirul Haziq Wan Abdul Manan (kiri) dan Nurmisya Mat Hadi selepas menerima augerah pelajar terbaik dalam peperiksaan UPSR 2013 dari TNB di Sekolah Kebangsaan Padang Pulut Dungun, Terengganu baru-baru ini.